

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[STAMPIN]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN NO. 21

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pelaksanaan berkenaan penurunan kuasa untuk pengedaran gas dari Kerajaan Persekutuan ke Kerajaan Negeri Sarawak.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNNITY ONGKILI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perkara berhubung penurunan kuasa untuk pengedaran gas dari Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sarawak adalah masih di peringkat perbincangan dan penelitian oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk dilaksanakan. Pada masa ini, KPDNHEP memaklumkan bahawa masih terdapat perkara-perkara dari sudut operasi yang sedang diperhalusi termasuklah persediaan Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengambil alih perkara ini juga sedang diteliti sebelum penurunan kuasa boleh dimuktamadkan dan dikuatkuasakan.
2. Ini kerana keputusan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet MA63 yang ditubuhkan di bawah Kerajaan sebelum ini hanya merupakan persetujuan dasar dan sudah pasti memerlukan kepada tindakan susulan khususnya dari sudut perundangan. Pelaksanaan perkara ini sudah pasti memerlukan kepada suatu perintah dibuat bagi mengecualikan pemakaian akta-akta sedia ada kepada negeri Sarawak terlebih dahulu.
3. Tambahan pula, memandangkan perkara berkaitan pengedaran *Liquefied Petroleum Gas* (LPG) adalah sebahagian daripada hal ehwal berkaitan petroleum, saya telah dimaklumkan bahawa perkara ini turut dimasukkan sebagai isu-isu yang sedang dibincangkan di bawah Jawatankuasa Bersama yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kewangan dan YB Menteri Kanan Kerja Raya bersama dengan Kerajaan Negeri Sarawak. Memandangkan proses rundingan dan perbincangan masih sedang berjalan dan belum lagi dimuktamadkan, segala maklumat yang berkaitan adalah rahsia dan tidak dapat dimaklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini buat masa ini.

Sekian, terima kasih.